

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDIN
[REMBAU]**

SOALAN NO. 227

Minta **MENTERI** menyatakan berapakah nisbah katil hospital kepada penduduk serta bilakah jangkaan nisbah mengikut standard antarabangsa iaitu 2.5 katil setiap 1000 penduduk akan dapat dicapai dan apakah usaha pihak Kementerian untuk mencapai nisbah ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2018, Malaysia telah mencapai nisbah 1.92 katil bagi setiap 1000 penduduk iaitu mengambil kira jumlah sumbangan katil keseluruhan hospital kerajaan dan hospital swasta. Dalam Kajian Separuh Penggal RMK-11 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada Oktober 2018, Kerajaan telah menyasarkan untuk mencapai nisbah 2 katil bagi setiap 1000 penduduk pada akhir tahun 2020.

Pertambahan bilangan katil bukanlah satu-satunya aspek dalam menentukan aksesibiliti kepada rawatan perubatan kerana '*trend*' seluruh dunia rawatan pesakit telah beralih kepada rawatan di pusat rawatan harian atau klinik-klinik tanpa memerlukan pesakit dimasukkan ke wad. Rawatan harian merupakan rawatan pilihan pesakit berbanding rawatan dalam wad. Susulan itu, KKM telah pun membina lapan (8) buah pusat rawatan harian khusus (*stand-alone building*) seluruh Negara, di samping mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan rawatan harian di hospital-hospital sedia ada. Kecanggihan perubatan masa kini juga

membolehkan banyak prosedur dilaksanakan secara rawatan harian tanpa perlu pesakit dimasukkan ke wad.

Unjuran atau anggaran bagi mencapai nisbah 2.5 katil kepada 1000 penduduk memerlukan beberapa parameter seperti kemampuan Kerajaan menyediakan peruntukan bagi pembangunan hospital (iaitu untuk hospital KKM, hospital universiti dan hospital angkatan tentera), serta pertumbuhan hospital swasta dalam menyumbang kepada pertambahan bilangan katil. Selain itu, unjuran pertambahan penduduk turut diambil kira. Misalnya, jika nisbah 2.5 katil kepada 1,000 penduduk ingin dicapai pada penghujung RMK-12 (tahun 2025) bermakna Negara memerlukan tambahan sebanyak 22,000 katil, di mana adalah dianggarkan sebanyak 17,000 daripada tambahan katil tersebut perlu disediakan oleh KKM untuk dibina dalam tempoh 5 tahun (2021-2025), iaitu bersamaan dengan pertambahan 3,400 katil setahun. Pertambahan sebanyak 3400 katil setahun ini mempunyai implikasi kewangan yang besar kepada pihak Kerajaan.

KKM sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan hospital dengan pembinaan hospital-hospital baru serta menaiktaraf hospital-hospital sedia ada di seluruh negara yang secara langsung akan membantu mempertingkatkan bilangan katil hospital Kerajaan. Selain daripada itu, kemudahan di hospital-hospital yang telah diganti baru dan masih sesuai diguna pakai akan terus dimanfaatkan bagi menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit.

Sekian, terima kasih.